

Mat rempit boleh berubah jika dibimbing

BERITA kejayaan 12 bekas mat rempit membuat terjunan di Kutub Utara seperti yang disiarkan di muka depan akhbar ini semalam, membuktikan sesiapa saja yang berkeinginan untuk berubah, boleh mengubah diri mereka selaras kehendak agama, keluarga, masyarakat dan negara.

Yang penting tekad, kesungguhan, keazaman dan peluang yang diberikan kepada mereka untuk membuktikan mat rempit bukan hina pada mata masyarakat.

Hal ini ada disebut dalam al-Quran bahawa Tuhan tidak akan mengubah nasib sesuatu golongan kalau mereka tidak mengubah nasib mereka sendiri.

Nyata golongan ini yang sering dipandang serong masyarakat menyahut seruan dengan memilih untuk mengubah persepsi masyarakat terhadap mereka, malah berusaha mengubah nasib mereka.

Terjunan dalam dua pasukan pada ketinggian 6,000 kaki dan 5,000 kaki dari helikopter MI-8 milik penganjur Russia, pada jam 4.20 pagi waktu tempatan itu membuktikan kesungguhan golongan ini bahawa perubahan yang dibuat bukan hanya untuk kebaikan diri, malah mengharumkan nama negara.

Niat murni ini terserlah mereka apabila bertekad meneruskan terjunan pada saat pasukan negara lain menarik diri kerana cuaca buruk.

Ia menjadikan Malaysia negara pertama melakukan terjunan di Kutub Utara tahun ini membuktikan anak muda yang dikatakan sebagai golongan mudah terjebak dalam pelbagai gejala sosial boleh memilih sama ada ingin terus berada dalam kancha keburukan atau kembali ke lunas agama yang dijunjung tinggi.

Walau apapun, tekad dan niat ikhlas ini diharapkan berpanjangan sehingga ke akhir hayat. Mereka yang berubah, tetapi hanya separuh jalan ibarat berlian palsu yang mungkin nampak cantik berkilau di luarnya serta nampak mahal harganya, tetapi nilainya tetap tidak sama dengan yang asli.

Mereka yang berubah separuh jalan mungkin dipandang tinggi buat sementara waktu, tetapi tidak lagi apabila mula berpaling ke jalan songang.

Mereka yang berpaling nampaknya begitu rapuh persediaan mental, spritual dan rohani sehingga sanggup kembali ke destinasi hitam. Buruk pandangan masyarakat, buruk lagi pandangan Pencipta kepadanya.

Seperti diriwayatkan Ahmad daripada Aisyah, "Apabila terlalu banyak dosa seseorang, tiada pula baginya 'amalan kafarah dosanya itu, nescaya dicuba akan dia oleh Allah dengan dukacita, buat kifarlah daripada'.

Apa yang cuba diterangkan di sini adalah seruan kepada manusia supaya menjauhi dosa, jika tidak, akan berdukacitalah hidup manusia itu.

Amalan meninggalkan apa yang terlarang dan menuju ke arah kebaikan walaupun sedikit dijanjikan pelbagai kegembiraan oleh Allah. Dalam hadis riwayat Asy-Syaikh, daripada Aisyah menyebut, segala amalan yang terlebih dikasih Allah ialah amalan yang dibuat selalu walaupun sedikit.

Bukan kuantiti kebaikan yang dipertaruhkan, tetapi sejauh mana istiqamahnya individu itu berbuat baik. Begitu juga golongan mat rempit yang kini diangkat ibarat wira negara yang tinggi kedudukannya, kejayaan gah ini kurang maknanya andainya tidak diteruskan dengan kebaikan secara berterusan. Biarlah sedikit kebaikan itu, asalkan ia berterusan!

Syabas kepada Putera Umno yang menganjurkan ekspedisi itu. Semoga badan dan persatuan lain turut menganjurkan pelbagai program bukan saja kepada mat rempit, malah kepada bekas penagih dadah, bekas banduan dan golongan yang dipandang hina pada mata masyarakat.

SITI SURIANI OTHMAN

Pensyarah Program

Komunikasi,

Universiti Sains Islam Malaysia

(USIM), Negeri Sembilan.